

BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PESIRAN BUKIT KIARA
50604 KUALA LUMPUR

MEMO DALAMAN

Kepada : Semua Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri

Daripada : Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan

Salinan kepada : Timbalan Pengarah
Pembangunan Teknologi Pendidikan

Timbalan Pengarah
Pembangunan Pendidikan Bestari

Ruj. Kami : KP (BTP-PPSB)8817/3/4 Jld 2 (21)

Tarikh : 31 Julai 2013 / 22 Ramadan 1434 H

Perkara : **PENARAFAN PEMBESTARIAN SEKOLAH
MENGUNAKAN SMART SCHOOL QUALIFICATION
STANDARDS (SSQS) DAN PEMANTAUAN TERHADAP
PROSES PENARAFAN SSQS TAHUN 2013**

Tuan/Puan,

Dengan sukacita perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan penarafan pembestarian sekolah menggunakan *Smart School Qualification Standards* (SSQS) bagi memenuhi komitmen dalam Pelan Pembestarian Pendidikan Sekolah dan pelaporan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Sekolah Bestari, KPM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia serta Mesyuarat *Flagship Coordination Committee* (FCC) yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara.

3. Untuk makluman, Indikator dan instrumen SSQS telah dibuat penambahbaikan dengan memasukkan elemen Sistem Pengurusan Sekolah (SPS), pelantar pembelajaran maya (*Virtual Learning Environment*) dan Pusat Sumber Sekolah (PSS). Indikator SSQS 2.0 ini mempunyai lima (5) domain iaitu Domain Penggunaan (30%),

"Teknologi Untuk Pendidikan Bestari"

Domain Modal Insan (30%), Domain Aplikasi (10%), Domain Infrastruktur (10%), dan Domain Pusat Sumber Sekolah (20%).


4. SPS telah diperluaskan ke semua sekolah mulai Julai 2013 dan semua sekolah telah disediakan dengan pelantar pembelajaran maya mulai 2012. Instrumen penarafan SSQS 2.0 bagi tahun 2013 akan menggunakan aplikasi *Google Docs* sementara menunggu aplikasi SSQS 2.0 dibangunkan.

5. Sehubungan itu, kerjasama tuan/puan dipohon untuk menyelaras, membimbing, dan memantau pelaksanaan proses penarafan tersebut kepada sekolah-sekolah di bawah tadbiran tuan/puan. Instrumen penarafan SSQS 2013 di *web host* di laman web Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) masing-masing. Tempoh pelaksanaan penarafan bagi tahun ini adalah bermula dari 2 hingga 30 September 2013.

6. Bersama ini disertakan Jadual Pelaksanaan dan Pelan Tindakan Penarafan SSQS Bagi Tahun 2013 (Lampiran 1), dan Panduan Bilangan Responden Penarafan Tahun 2013 (Lampiran 2) untuk makluman serta rujukan tuan/puan.

7. Sebarang pertanyaan boleh emel kepada best@moe.edu.my.

Sekian, terima kasih.



(ROSNANI BINTI MOHAMED ALI)
rosnani@moe.edu.my



**JADUAL PELAKSANAAN DAN PELAN TINDAKAN PENARAFAN
PEMBESTARIAN SEKOLAH MENGGUNAKAN *SMART SCHOOL*
QUALIFICATION STANDARDS (SSQS) BAGI TAHUN 2013**

Bil.	Perkara	Tarikh	Tindakan	Catatan
1	<p>Pemurnian Instrumen SSQS 2.0</p> <p>i. Domain Penggunaan (30%) ii. Domain Modal Insan (30%) iii. Domain Aplikasi (10%) iv. Domain Infrastruktur (10%) v. Domain Pusat Sumber Sekolah (20%)</p>	22 – 24 Julai 2013	<i>Focus Group</i> Pembestarian Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> Sesuaikan struktur item instrumen dengan format <i>Google Form/ Drive</i>
2	Beri alamat emel (gmail.com)- KU ICT BTPN to urus setia <i>Focus Group</i> Pembestarian Sekolah / Sektor BEST	24 Julai 2013	KU ICT BTPN	<ul style="list-style-type: none"> Untuk perkongsian instrumen SSQS 2.0 antara BTP - BTPN PKG, PTPB juga perlu ada akaun gmail untuk perkongsian instrumen SSQS 2.0 dengan BTPN
3	Borang Instrumen SSQS 2.0:			
	3.1 Sediakan <i>Form</i> (Google Drive) dan emel kepada semua KU ICT BTPN	25 – 2 Ogos 2013	BTP/BEST	<ul style="list-style-type: none"> Sebelum <i>send</i> mesti tukar status kepada "is owner" supaya BTPN boleh <i>share with</i> PKG
	3.2 BTPN <i>share</i> kepada semua PKG di negeri masing-masing	5 - 23 Ogos 2013	KU ICT BTPN	<ul style="list-style-type: none"> Ujudkan Link "Penarafan SSQS 2013" di laman web BTPN masing-masing
	3.3 PKG melengkapkan senarai kod sekolah ahli masing-masing dalam Instrumen SSQS (sebagai <i>Drop down list</i>) <ul style="list-style-type: none"> PKG perlu <i>host</i> Instrumen SSQS dalam Google Drive masing-masing dan <i>share</i> dengan BTPN 	5 – 23 Ogos 2013	PKG	<ul style="list-style-type: none"> Jika bilangan sekolah ahli sesebuah PKG melebihi 60 sekolah, BTPN/PTPB akan bantu PKG berkenaan untuk melengkapkan senarai kod sekolah yang selebihnya dan <i>host</i> di laman web BTPN/PTPB berkenaan Sekolah-sekolah tersebut akan dimaklumkan oleh PTPB/BTPN selaku <i>host</i> melalui emel sekolah untuk membuat penarafan.


Bil.	Perkara	Tarikh	Tindakan	Catatan
4	Membuat semakan dan verifikasi untuk memastikan Kod Sekolah dalam kelompok PKG ada di dalam Google Drive	5 - 23 Ogos 2013	PKG dan BTPN	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap PKG memastikan Kod Sekolah semua ahli kelompok PKG berkenaan ada, tepat dan betul • PTPB/BTPN yang bantu PKG untuk <i>host</i> sekolah-sekolah dalam kelompok PKG (bilangan ahli melebihi 60 sekolah) juga perlu membuat semakan dan verifikasi kod sekolah yang terlibat.
5	<p>Memo Dalaman dan Surat makluman penarafan SSQS 2013 kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. BTPN (bersama salinan surat makluman penarafan ke JPN) 2. JPN 	31 Julai 2013	BTP / BEST	<p>Tarikh Penarafan: 2 – 30 SEPT 2013</p> <ul style="list-style-type: none"> • Link "Penarafan SSQS 2013" di laman web BTPN / PTPB / PKG masing-masing
6	<p>Bilangan Responden:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengetua = 1 2. GPM = 1 3. Guru (subjek teras) = 6 x 5 org = 30 org 4. Murid = 6 x 5 org = 30 org <p>Jumlah = 62 org</p>	2 – 30 Sept 2013	PKG, PTPB, BTPN	<ul style="list-style-type: none"> • Subjek Teras: BM, Bi, Mat, Sains, Sej, Agama/ Pendidikan Moral • Jika ada sekolah yang kurang murid, responden murid ialah semaximum yang ada • SKM: Pengetua = 1, GPM = 1, Guru = 6 (minimum), Murid = 15 – 30 org
7	Analisa responses penarafan SSQS 2013	Minggu ke-3 Oktober 2013	BTP	Dengan kerjasama Unit ICT BTPN Selangor
8	Verifikasi pihak IPTA	<p>Oktober 2013</p> <p>Minggu ke-4 Ogos 2013</p>	IPTA dan BTP	<p>3 orang pensyarah telah dikenalpasti/ BTP dah dapat surat daripada Jabatan Pengajian Tinggi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan dengan pihak IPTA

Lampiran 1

Bil.	Perkara	Tarikh	Tindakan	Catatan
9	Makluman keputusan Penarafan SSQS bagi 2013	Minggu ke-3 November 2013	BTP	Laporan / Keputusan Penarafan SSQS 2013: <ul style="list-style-type: none">• Mesyuarat JKPS BTP• Mesyuarat Pengurusan Dasar BTP

PENARAFAN SSQS 2013 MENGGUNAKAN PLATFORM GOOGLE DRIVE

CARTA ALIR



BILANGAN RESPONDEN BAGI MENJAWAB INSTRUMEN PENARAFAN SMART SCHOOL QUALIFICATION STANDARDS (SSQS) BAGI TAHUN 2013

A. Sekolah Yang Mempunyai BILANGAN RESPONDEN MENCUKUPI 62

Kes1: Bilangan Responden: 62

Sekolah BUKAN Kurang Murid atau SKM	
Jenis Responden	Bilangan Responden
Pentadbir	1
Guru Perpustakaan dan Media (GPM)	1
Guru <ul style="list-style-type: none"> • 6 subjek teras (5 guru bagi setiap subjek) 	30
Murid <ul style="list-style-type: none"> • 6 subjek teras (5 murid bagi setiap subjek) 	30
Jumlah Keseluruhan Responden	62

B. Sekolah Kurang Murid (SKM) dan Bilangan Responden TIDAK Mencukupi 62

Kes1: Bilangan Responden: 38

(Bilangan murid mencukupi iaitu 30 tetapi bilangan guru hanya 5 orang di sekolah berkenaan)

Sekolah Kurang Murid (SKM)	
Jenis Responden	Bilangan Responden
Pentadbir	1
Guru Perpustakaan dan Media (GPM)	1
Guru Mata Pelajaran (subjek teras): <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Melayu – diisi oleh guru A • Bahasa Inggeris – diisi oleh guru A • Matematik – diisi oleh guru B • Sains – diisi oleh guru C • Sejarah atau Kajian Tempatan – diisi oleh guru D • Agama Islam/Pendidikan Moral – diisi oleh guru E 	5
Murid <ul style="list-style-type: none"> • 6 subjek teras (5 murid bagi setiap subjek) 	30
Jumlah Keseluruhan Responden	38

Kes2: Bilangan Responden: 14

(Bilangan Guru/murid: 6 orang guru/murid sahaja ada di sekolah)

Sekolah Kurang Murid (SKM)	
Jenis Responden	Bilangan Responden
Pentadbir	1
Guru Perpustakaan dan Media (GPM)	1
Guru Mata Pelajaran (6 subjek teras):	
• Bahasa Melayu – diisi oleh guru A	1
• Bahasa Inggeris – diisi oleh guru B	1
• Matematik – diisi oleh guru C	1
• Sains – diisi oleh guru D	1
• Sejarah atau Kajian Tempatan – diisi oleh guru E	1
• Agama Islam/Pendidikan Moral – diisi oleh guru F	1
Murid (6 subjek teras):	
• Bahasa Melayu – diisi oleh murid A	1
• Bahasa Inggeris – diisi oleh murid B	1
• Matematik – diisi oleh murid C	1
• Sains – diisi oleh guru D	1
• Sejarah atau Kajian Tempatan – diisi oleh murid E	1
• Agama Islam/Pendidikan Moral – diisi oleh murid F	1
Jumlah Keseluruhan Responden	14

Kes3: Bilangan Responden: 14

(Bilangan Guru/murid: 4 orang guru/murid sahaja ada di sekolah)

Sekolah Kurang Murid (SKM)	
Jenis Responden	Bilangan Responden
Pentadbir	1
Guru Perpustakaan dan Media (GPM)	1
Guru Mata Pelajaran (6 subjek teras):	
• Bahasa Melayu – diisi oleh guru A	1
• Bahasa Inggeris – diisi oleh guru B	1
• Matematik – diisi oleh guru B	1
• Sains – diisi oleh guru C	1
• Sejarah atau Kajian Tempatan – diisi oleh guru A	1
• Agama Islam/Pendidikan Moral – diisi oleh guru D	1
Murid (6 subjek teras):	
• Bahasa Melayu – diisi oleh murid A	1
• Bahasa Inggeris – diisi oleh murid A	1
• Matematik – diisi oleh murid A	1
• Sains – diisi oleh guru B	1
• Sejarah atau Kajian Tempatan – diisi oleh murid C	1
• Agama Islam/Pendidikan Moral – diisi oleh murid D	1
Jumlah Keseluruhan Responden	14

Catatan:

1. Bilangan responden bagi Sekolah Kurang Murid (SKM):
Pengetua = 1, GPM = 1, Guru = 6 (min), Murid = 15 - 30
2. Jika ada sekolah yang kurang murid, bilangan responden murid ialah semaksimum murid yang ada.

